

**[ANALYSIS OF EDUCATION ON WOMEN'S BLOOD IN PRIMARY CURRICULUM AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS]**

**ANALISIS PENDIDIKAN DARAH WANITA DALAM KURIKULUM RENDAH DI KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM**

<sup>1</sup> SITI FATIMAH SALLEH

<sup>1</sup> KASIMAH KAMARUDDIN

<sup>2</sup> LUKMAN ABDUL MUTALIB

<sup>3</sup> ROGAYAH SAEED SALAMEH ALQARALEH

<sup>1</sup> Faculty of Contemporary Islamic Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Gong Badak Campus, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Faculty of Syafiyi Fiqh, The World of Islamic Sciences & Education University (WISE)  
Amman, Jordan

\*Corresponding Author: [sitifatimah@unisza.edu.my](mailto:sitifatimah@unisza.edu.my)

Received Date: 15 April 2021 • Accepted Date: 13 June 2021

**Abstract**

*Learning about Islamic education is taught through curriculum in primary school level throughout Malaysia. However, the extent to which the scope of teaching and learning (PdP) is revealed in this primary curriculum and how deep it is able to provide a basic understanding to students, to manage issues related to women's blood. This article aims to analyze the educational needs of women's blood in primary curriculum among Islamic education teachers. The methodology used to produce this article is based on document analysis of classical books in the field of sharia, primary Islamic education books and structured interviews involving Islamic education teachers consisting of eight female teachers and two male teachers from schools in peninsular Malaysia. The results showed that the scope of PdP on women's blood in the primary curriculum syllabus was not able to provide basic understanding for students due to the factors of PdP scope and also the appropriateness of time. All respondents agreed that the primary curriculum on women's blood syllabus needs improvement to give a deeper understanding to the students.*

**Keywords:** women's blood, menstruation, women's blood education, Islamic education

## Abstrak

Pembelajaran tentang pendidikan Islam diajar menerusi kurikulum di peringkat sekolah rendah seluruh Malaysia. Namun, sejauhmana skop pengajaran dan pembelajaran (PdP) didedahkan dalam kurikulum rendah ini serta cakupannya mampu memberi pemahaman asas kepada pelajar, untuk mengurus isu yang berkait dengan darah wanita. Artikel ini bermatlamat untuk menganalisis keperluan pendidikan darah wanita dalam kurikulum rendah di kalangan guru pendidikan Islam. Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan artikel ini berpandukan kaedah analisis dokumen kitab-kitab klasik dalam bidang syariah, buku pendidikan Islam peringkat rendah dan temu bual berstruktur melibatkan guru pendidikan Islam yang terdiri daripada lapan orang guru perempuan dan dua orang guru lelaki di sekolah semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa skop PdP darah wanita dalam silibus kurikulum rendah tidak mampu memberi kefahaman asas kepada pelajar disebabkan faktor skop PdP dan juga kesesuaian masa. Kesemua responden bersetuju bahawa silibus darah wanita kurikulum rendah perlu penambahbaikan untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada pelajar-pelajar.

**Kata Kunci:** darah wanita, haid, pendidikan darah wanita, pendidikan Islam.

**Cite as:** Siti Fatimah Salleh, Kasimah Kamaruddin, Lukman Abdul Mutalib & Rogayah Saeed Salameh Alqaraleh. 2021. Analisis pendidikan darah wanita dalam kurikulum rendah di Malaysia di kalangan guru Pendidikan Islam. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1): 78-89.

## PENGENALAN

Pendidikan fiqh darah wanita yang berkait dengan haid, nifas dan *istihadhah* merupakan sub perbincangan di bawah bab ibadat. Keabsahan ibadat seseorang mukalaf diukur melalui pelaksanaan taharah yang sempurna. Ibadat merupakan tunjang asas kepada nilai kepatuhan hamba kepada Penciptanya. Kesempurnaan ibadat mampu menghasilkan seorang Muslim yang cemerlang di dunia dan gemilang di akhirat.

Begitu juga perihal tentang ibadat seseorang wanita. Bagi menjamin kualiti ibadat seseorang wanita, pembelajaran tentang fiqh wanita terutama perkara asas yang melibatkan fiqh darah wajib dipelajari. Aspek proses pembelajaran menjadi wajib dan fardu ain kerana isu ini berkait dengan kesahan ibadat secara fardu yang melibatkan pelbagai cakupan ibadat seperti wuduk, solat, puasa, iktikaf, membaca al-Quran, memegang al-Quran, menulis al-Quran dan mengajar al-Quran dan lain-lain. Tuntutan mempelajari ilmu darah wanita juga tidak terbatas kepada kaum wanita sahaja, bahkan kewajipan mempelajari ilmu ini menjadi keutamaan kepada kaum lelaki kerana beban tanggungjawab yang digalas adalah mengajar ilmu fardu ain kepada anak-anak perempuan bagi seorang bapa, kewajipan mengajar isteri bagi seorang lelaki yang bergelar suami dan kewajipan mengajar masyakat serta murid, bagi seorang guru atau pengajar. Kedudukan tanggungjawab mempelajari ilmu darah wanita ini saling berkaitan dan perlu digalas bersama kerana setiap individu mempunyai beban tanggungjawab serta peranan tersendiri. Manakala bagi pihak wanita pula adalah sebagai pengaplikasian segala teori ilmu fiqh darah ini untuk pengurusan ibadat diri sendiri.

Berasaskan penelitian ikut serta pengkaji dengan peserta kelas-kelas pengajian dewasa dan pelajar sekolah rendah dan menengah tentang darah wanita, berlaku salah faham tentang warna darah, bilangan warna darah, pengiraan 15 hari maksimum suci, penentuan haid bagi kes *istihadhah*, salah faham menghitung hari-hari nifas dengan fahaman darah nifas mesti cukup 60 hari menurut mazhab Syafi'i, salah faham pengiraan permulaan suci adakah dengan bermula selepas 15 hari darah haid atau bermula selepas bersih daripada darah dalam tempoh tidak melebihi had maksimum haid (Siti Fatimah et al, 2020).

Selain itu, berlaku juga kekeliruan dalam penggunaan konsep '*adah*' untuk darah yang seterusnya, kedudukan mandi wajib untuk suci dari haid dan junub dari segi aplikasinya serta kekeliruan yang ketara berkaitan mandi wilayah. Justeru, kajian mendapati perlu kepada analisis kandungan silibus pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah dan menengah bagi mengenal pasti aspek atau elemen fiqh yang berkait dengan darah wanita diterapkan di awal usia baligh kanak-kanak (Siti Fatimah et al, 2020).

Menurut hasil kajian oleh Noraini Ismail tentang Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan Di UiTM Cawangan Perlis menunjukkan terdapat pelajar yang masih keliru untuk membezakan antara darah haid dan *istihadhah*. Mereka juga tidak memahami kaedah pengiraan tempoh suci dan tempoh haid. Keadaan ini telah menjaskankan tahap keyakinan mereka dalam menunaikan ibadah (<https://worldconferences.net/proceedings/icasic2016>). Kajian tersebut menyarankan agar para guru, pensyarah dan semua yang terlibat dalam pendidikan khususnya bidang pendidikan Islam agar dapat memantapkan ilmu berkaitan fiqh taharah khususnya berkaitan dengan darah-darah wanita agar dapat membantu menyelesaikan kekeliruan yang timbul. Metode pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah dan universiti juga perlu dinilai agar penyampaian lebih berkesan dan mudah difahami (<https://worldconferences.net/proceedings/icasic2016>). Justeru, objektif kajian ini adalah bertepatan dengan masalah kajian yang didapati dan sebagai kajian lanjutan kepada cadangan yang dikemukakan dalam kajian tersebut.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian Noraini Ismail, (2016).tentang Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan Di UiTM Cawangan Perlis, mencadangkan bahawa agar menerapkan ilmu darah wanita dalam bidang pendidikan Islam sama ada di peringkat sekolah atau universiti. Kartina Tawang dan Basri Ibrahim. (2016) pula mengkaji dari sudut amalan pengurusan darah wanita menurut perspektif Islam. Kajian menunjukkan bahawa Era modenisasi hari ini memperlihatkan banyak kekeliruan kaum wanita kurangnya kefahaman dan amalan yang menepati syariat berkaitan pengurusan darah-darah wanita menurut perspektif Islam dalam kehidupan seharian mereka Selain itu, kajian Siti Fatimah Salleh (2018) membincangkan berkaitan konotasi darah haid dari sudut perubatan dan al-Qu'ran mendapati penjelasan kejadian darah haid menurut ulama dan sains mempunyai perkaitan signifikan dalam menginterpretasi konotasi darah itu bagi menyeimbang antara keperluan ibadah dan keseimbangan kesihatan seseorang wanita. Seterusnya kajian Siti Fatimah Salleh, et.al (2020) yang mengkaji berkaitan analisis pendidikan darah wanita dalam kurikulum rendah dan menengah di Malaysia menunjukkan bahawa perlu ditambah baik kurikulum tersebut disebabkan keterhadan skop pdp darah wanita. Justeru, kajian ini adalah untuk menganalisis

kesesuaian skop PdP tentang darah wanita dalam kalangan guru pendidikan Islam di peringkat rendah yang melibatkan bidang ibadat. Hasil kajian mampu memberi ruang kepada pihak tertentu untuk tindakan sewajarnya selaras dengan misi pendidikan Negara iaitu melestarikan sistem pendidikan yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi Negara. Dengan adanya pendedahan pendidikan yang berkualiti, maka akan melahirkan pelajar-pelajar yang berpotensi dalam menguasai pelbagai ilmu terutama ilmu agama. Kajian juga mampu merubah pemahaman masyarakat tentang ilmu darah wanita bermula seawal usia baligh, ekoran kepentingan penerapan ilmu darah wanita dalam kurikulum pendidikan di sekolah rendah lagi.

## METODOLOGI

Metodologi kajian pula adalah kaedah kepustakaan dengan menganalisis kandungan buku teks pendidikan Islam rendah dan menengah, teks klasik dalam bidang fiqh, tafsir, hadis dan bahasa. Kajian dijalankan dengan menganalisis kandungan silibus PdP bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi buku pelajaran pendidikan Islam tahun 3,4,5 dan 6. Kemudian untuk menjawab objektif utama kajian, diadakan temu bual secara berstruktur kepada para guru pendidikan Islam peringkat rendah bagi memperoleh dan menganalisis data.

## DAPATAN DAN ANALISIS KEPERLUAN PENILAIAN SEMULA SILIBUS KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH BERKAITAN DARAH WANITA

Berdasarkan analisis data temu bual, dapatkan kajian yang diperolehi daripada sepuluh orang responden, melibatkan guru sekolah rendah di semenanjung Malaysia yang terdiri daripada 2 orang guru lelaki dan 8 orang guru perempuan, yang mempunyai pengalaman mengajar antara enam hingga lima belas tahun. Data dianalisis berdasarkan tema berikut:

### Skop PdP Darah Wanita Dalam Buku Teks Pendidikan Islam

Kajian mendapati perbincangan tentang pendidikan darah wanita di dalam kurikulum standard sekolah rendah terkandung di dalam buku Pendidikan Islam tahun 3 (Muhammad Nasir et. al, 2018) dengan hanya wujud konotasinya sahaja iaitu haid, nifas dan wilayah. Manakala definisi haid, nifas dan wilayah dinyatakan pada ruangan “Info” iaitu satu ruangan tambahan. Ruangan ini tidak termasuk sebagai pecahan tajuk kecil kepada silibus pengajaran dan pembelajaran di bawah perkara ibadah.

Manakala bagi buku pendidikan Islam tahun 4 (Hasnah Yahya et. al, 2014) dan 6 (Nursuhana Abdullah et. al, 2015), terdapat konotasi haid nifas dan wilayah, ia hanya disebut secara tidak langsung di bawah perbincangan tajuk mandi wajib, iaitu penyebab kepada mandi antaranya kerana haid, nifas dan wilayah, dan disebut secara umum larangan-larangan semasa berhadas besar tanpa mengkhususkan perbincangan larangan dalam pembelajaran tersebut sebagai larangan semasa haid. Ia juga disebut secara tidak langsung konotasi haid, nifas dan wilayah di dalam buku pendidikan Islam tahun 6 dalam perbincangan perkara yang membantalkan puasa. Kajian mendapati pendedahan tentang pendidikan darah wanita tidak

terdapat atau tidak dibincangkan dalam buku pelajaran pendidikan Islam tahun 5 (Nursuhana et. al, 2014).

Skop PdP darah wanita dalam buku teks ini diperakui oleh responden 4, 5, 6 dan 8. Mereka menyatakan bahawa perbincangan darah wanita terdapat dalam skop PdP mandi wajib, manakala R1 menyatakan darah wanita terdapat dalam skop PdP kepentingan syarat sah solat. Contohnya, responden (R) 4, 5, 6, 8, dan 10 menyatakan seperti berikut.

R4, 5, 6, 8, dan 10 “Skop PdP tentang darah wanita dalam buku teks yang diajar kepada murid ialah mandi wajib”. Manakala R1: “Skop PdP tentang darah wanita dalam buku teks yang diajar kepada murid ialah terdapat dalam pembelajaran tentang kepentingan syarat-syarat sah solat”.

### **Cakupan Skop PdP Darah Wanita Memberi Kefahaman kepada Pelajar**

Hasil daripada analisis terhadap data tentang skop PdP kurikulum rendah, kajian mengemukakan pula persoalan berkaitan kemampuan skop PdP yang diajar kepada murid, adakah mampu memberikan pengetahuan asas tentang darah wanita dan hukumnya? Hasil analisis data daripada temu bual menunjukkan seramai 8 orang responden yang terdiri daripada guru perempuan tidak bersetuju skop PdP berkaitan darah wanita dan hukumnya mampu memberi pengetahuan asas kepada para pelajar.

Hal ini disebabkan, jika dilihat dari skop PdP sangat terhad perbincangan berkaitan darah wanita. Malah perbincangan tersebut hanya berkait seperti penyebab mandi wajib dan permasalahan syarat-syarat sah puasa. Sebagai contoh, R1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 menyatakan bahawa: “Skop PdP yang terdapat dalam buku teks pendidikan Islam yang diajar tidak mampu memberi pengetahuan asas tentang darah wanita dan hukum hakamnya”.

Walau bagaimanapun, 2 orang responden yang terdiri daripada guru lelaki menyatakan bahawa skop PdP darah wanita sudah memadai untuk memberi kefahaman kepada para pelajar berkaitan darah wanita ini. Hal ini disebabkan, mereka berpendapat bahawa skop PdP bersesuaian dengan perkara-perkara asas haid sahaja. R2 dan 10 menyebut: “skop PdP yang terdapat dalam buku teks pendidikan Islam yang diajar mampu memberi pengetahuan asas tentang darah wanita dan hukum hakamnya”.

Berikut adalah rajah yang menunjukkan peratusan guru yang bersetuju dan sebaliknya tentang skop PdP darah wanita dalam kurikulum rendah pendidikan Islam mampu memberi pengetahuan asas kepada para pelajar.



Carta 1: Pandangan guru tentang skop PdP mampu memberi pengetahuan asas tentang darah wanita

### **Kesesuaian Peruntukan Masa PdP tentang Darah Wanita**

Seterusnya dari sudut kesesuaian peruntukan masa dalam memberi kefahaman yang jelas kepada para pelajar, seramai 8 orang responden tidak bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan dalam PdP mampu memberikan kefahaman yang jelas kepada pelajar. Contoh respons dari R1,3,4,5,6,7,8,9 adalah sebagaimana berikut:

“Penyediaan topik PdP tentang darah wanita dalam buku teks pendidikan Islam tidak bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar-pelajar”.

Berbeza pula pandangan yang diberikan oleh dua orang responden lagi, kedua-dua responden ini menyatakan bahawa sudah memadai masa yang diperuntukkan untuk memberi kefahaman pelajar-pelajar berkaitan darah wanita dan hukumnya. Kenyataan yang dikemukakan oleh responden 2 dan 10 adalah sebagaimana berikut:

R2 dan 10 “Penyediaan topik PdP tentang darah wanita dalam buku teks pendidikan Islam bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada para pelajar”.

### **Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sedia ada dalam Kurikulum tentang Darah Wanita**

Hasil analisis data daripada 10 orang responden menunjukkan bahawa kandungan buku teks hanya tercatat konotasi haid, nifas, *istihadhah* dan wilayah sahaja. Manakala larangan-larangan ketika haid disebut dalam perkara mandi dan puasa. Oleh kerana skop PdP darah wanita hanya menyebut konotasi sahaja, kesemua 10 orang responden menyatakan bahawa mereka perlu melakukan persiapan dalam mengajar topik darah wanita, iaitu dengan merujuk kitab, membuat kajian, membawa contoh gambar, dan mendengar ceramah bagi memberi kefahaman kepada para pelajar. Kenyataan oleh R2, 3, 5, 7, 8, 10 adalah seperti berikut: R2 menyebut: “Persiapan mengajar topik darah wanita dengan merujuk kitab-kitab lain”. Manakala bagi R3, R5, R6, dan R9 menyebut: “Persiapan mengajar topik darah wanita dengan membuat kajian tentang tajuk

ini". Bagi R4 pula menyebut: "Persiapan mengajar topik darah wanita dengan membawa contoh gambar".

### **Bentuk PdP tentang Darah Wanita**

Melihat kepada aspek kesesuaian peruntukan masa PdP darah wanita yang diajar kepada para pelajar dengan merujuk kepada keluasan dan kepentingan skop perbincangan tentang darah wanita ini. Kajian mendapati, sesi soal jawab antara guru dan pelajar sangat penting dilaksanakan semasa sesi PdP di dalam kelas. Oleh kerana pembelajaran berkaitan darah wanita ini suatu perkara yang perlu jelas dan mengikuti ketetapan hukumnya serta permasalahan yang mempunyai perkaitan dengan taharah, ibadat, munakahat dan lain-lain, siri pembelajaran darah wanita ini wajar dilakukan di luar kelas bagi pelajar-pelajar yang mempunyai kecelaruan untuk menentukan status darah mereka.

### **Pendekatan Guru Dan Pihak Sekolah Dalam Memberikan Kefahaman Yang Jelas Kepada Pelajar**

Kajian turut menganalisis data tentang persoalan berkaitan pendekatan guru dan pihak sekolah dalam memberikan kefahaman yang jelas kepada pelajar berkaitan darah wanita. Seramai 8 orang responden memperakui bahawa pihak sekolah perlu mengadakan kursus dan ceramah berkaitan fiqh darah wanita. Hanya 2 orang responden menyatakan tiada pendekatan dan tindakan dari pihak sekolah dalam memberi kefahaman kepada pelajar. Kenyataan mereka adalah "tiada pendekatan dari pihak sekolah dalam memberi kefahaman kepada pelajar berkaitan haid".

Menurut R2, 3, 4, 6, 7, 8, 9 dan10: "Pendekatan guru dan pihak sekolah dalam memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar berkaitan darah wanita adalah mengadakan kursus dan ceramah berkaitan darah wanita, serta pogram aqil baligh".

Kenyataan mereka ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Siti Fatimah Salleh (2019 et. al), iaitu ketiadaan sukatan pembelajaran secara padu di dalam kurikulum pendidikan rendah tentang darah wanita, dicadangkan pembelajaran ilmu darah wanita dengan mewujudkan aktiviti kerohanian melalui penganjuran ceramah, forum, diskusi, kursus secara bersiri bagi memberi pendidikan awal dan asas tentang darah wanita kepada para pelajar di bermula peringkat rendah lagi. Realiti hari ini, pembelajaran tentang ilmu darah wanita adalah berorientasikan kepada alternatif sendiri oleh masyarakat yang dipandu oleh kesedaran.

### **Cadangan Penambah Baikan PdP Berkaitan Darah Wanita Kepada Pelajar Di Awal Usia Baligh**

Seterusnya, persoalan berkaitan cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh turut diajukan. Pelbagai cadangan penambah baikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh, iaitu satu responden mewakili 10%, mencadang agar pendidikan ini diberi penekanan kepada murid tahap dua. Tiga responden iaitu sebanyak 30% mencadangkan agar PdP darah wanita dimasukkan dalam kurikulum secara ringkas dan padat penerangannya supaya mudah difahami. Seorang responden iaitu 10%, PdP tentang

pengenalan baligh. Manakala empat responden iaitu sebanyak 40% daripada mereka mencadangkan agar dimasukkan tajuk khusus tentang darah wanita. Seorang responden iaitu 10% mencadangkan agar diperkasakan bidang ibadah.

Contoh kenyataan responden adalah seperti berikut:

R1: "Cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh ialah memberi penekanan kepada murid tahap dua (4,5,6)".


R2, R3, R6: "Cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh ialah ringkas dan padatkan penerangan supaya mudah difahami".

R4: " Cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh ialah pengenalan baligh".

R5, R7, R9, R10: "Cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh ialah masukkan tajuk khusus tentang darah wanita".

R8: "Cadangan penambahbaikan PdP berkaitan darah wanita kepada pelajar di awal usia baligh ialah perkasan bidang ibadah".

Pendetaian ini dirumus sebagaimana carta berikut:



Carta 2: Cadangan penambahbaikan kurikulum rendah tentang darah wanita

### **Keperluan Pendidikan Darah Wanita Seawal Usia 9 Tahun**


Usia seawal sembilan tahun merupakan usia yang signifikan didekahkan ilmu darah wanita mengambil kira usia awal haid bagi kanak-kanak perempuan adalah Sembilan tahun (Siti Fatimah Salleh, 2019 et al). Melihat kepada usia minimum yang disebut oleh fuqaha empat mazhab adalah 9 tahun hijrah atau hampir kepada 9 tahun hijri (al-Sarkhasi, 1989; Ibnu Abidin, t.th; al-Dardir, t.th; al-Dusuqi, t.th; al-Ramli, 1984; al-Shirbini, 2000; Ibn Qudamah, 2000; al-kaf, 2003; Siti Fatimah, 2014) dengan mengambil kira secara normalnya kanak-kanak perempuan pada usia tersebut sudah didatangi haid.

Seterusnya, responden ditanya berkaitan keperluan pendidikan darah wanita seawal usia 9 tahun. Seramai tujuh orang responden bersetuju bahawa keperluan pendidikan darah wanita perlu diajar seawal usia 9 tahun. Kenyataan mereka adalah seperti berikut: R2, 3, 4, 5, 6, 7 “Pendidikan darah wanita perlu di ajar pada usia baligh kanak-kanak, iaitu seawal usia 9 tahun”.

Responden memberi justifikasi bahawa darah wanita merupakan perkara asas yang wajib diketahui dan terdapat murid yang telah baligh di usia 9 tahun. Manakala, 3 orang responden tidak bersetuju kerana budak mudah lupa dan mencadangkan pengajarannya pada usia 12 tahun. Contoh kenyataan dan justifikasi mereka adalah seperti berikut:

R2, 10: “Pendidikan darah wanita perlu di ajar pada usia baligh kanak-kanak kerana ia memberi pengetahuan asas kepada murid-murid”. Manakala bagi R1, R8, R9 pula mengatakan: “Pendidikan darah wanita tidak perlu di ajar pada usia baligh kanak-kanak iaitu seawal usia 9 tahun kerana seeloknya pada umur 12 tahun dan kanak-kanak mudah lupa”.

**Pendidikan darah wanita perlu diajar seawal usia 9 tahun**



Carta 3: Kedudukan usia pelajar untuk diajar ilmu darah wanita

Justeru, langkah mewujudkan pendidikan asas darah wanita dalam silibus pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar tahun 3 adalah signifikan. Antara pendidikan awal darah wanita yang perlu difahami oleh pelajar tahun 3 sekurang-kurangnya hukum atau penjelasan yang berkait dengan definisi haid, *istihadhah*, implikasi haid kepada baligh dan beban taklifan yang dipertanggungjawabkan, warna darah, tempoh minimum dan maksimum haid, tempoh minimum dan maksimum suci, ibadat yang dilarang semasa haid, *mustahadhah mutbadaah mumayyizah* dan *ghairu mumayyizah*, pengurusan solat perempuan *istihadhah* (Siti Fatimah Salleh, 2019 et al).

### **Keperluan Penilaian Semula Silibus Kurikulum Pendidikan Islam Berkaitan Darah Wanita**

Responden turut ditanya berkaitan keperluan penilaian semula silibus kurikulum pendidikan Islam berkaitan darah wanita. Analisis secara keseluruhan, dari sudut skop PdP dan kefahaman

pelajar berkaitan darah wanita dalam sesi pembelajaran, kesemua responden menyatakan keperluan penilaian semula silibus kurikulum pendidikan Islam tentang darah wanita ini. Kajian mendapati terdapat faktor utama yang menyebabkan kesemua responden bersetuju sekiranya diadakan penilaian semula silibus kurikulum pendidikan Islam berkaitan darah wanita.

Faktornya adalah melibatkan skop PdP kurikulum rendah yang cakupannya tidak mampu memberi kefahaman asas kepada pelajar. Kewujudan konotasi haid tanpa ada perbincangan khusus berkaitan haid dan hukumnya. Merujuk kepada cakupan silibus yang terhad, para guru perlu membuat pencarian dan pembacaan komprehensif dengan merujuk kitab-kitab khusus berkaitan haid. Selain itu, usaha daripada pihak guru dan sekolah untuk memberi kefahaman kepada pelajar dengan menganjur program dan juga ceramah berkaitan haid, menunjukkan bahawa silibus PdP tentang darah wanita tidak mampu memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kluster pendidikan Islam atau Bahagian Pendidikan Islam (BPI) (<https://www.moe.gov.my>) dicadangkan agar menilai semula silibus pendidikan Islam bagi tajuk ibadat agar dimasukkan ilmu tentang darah wanita dalam silibus PdP, iaitu kurikulum pendidikan Islam mengikut kesesuaian usia awal baligh kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Pendidikan darah wanita adalah topik yang wajib dipelajari oleh setiap *mukallaf*. Setiap wanita yang ingin memastikan kesahan pengurusan ibadatnya menepati garis panduan syarak, mesti melengkapkan ilmu fardu ain ini. Kajian juga menunjukkan, perlu kepada penilaian semula silibus kurikulum rendah bagi mata pelajaran pendidikan Islam khususnya topik berkaitan darah wanita adalah disebabkan cakupan skop perbincangannya tidak mampu memberi kefahaman asas kepada pelajar. Selain itu, para guru memerlukan masa tambahan untuk membuat pencarian dan pembacaan lain, kerana ilmu tentang darah wanita adalah ilmu yang rumit dan sukar untuk di dalami. Turut dinyatakan, sinopsis PdP darah wanita dalam kurikulum rendah, berlegar sekitar konotasi sahaja. Isu-isu penting yang wajib diketahui seperti usia, kadar, tempoh, jenis darah tiada dalam kurikulum tersebut.

Tindakan susulan kepada kajian ini, serta pelaksanaan program, kursus, wacana, diskusi, daurah, seminar, bengkel, simposium secara bersiri atau intensif mampu memantapkan pemahaman masyarakat tentang darah wanita, sekaligus mengatasi masalah keceluaran penentuan darah wanita.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kelulusan Skim Pasca Doktoral di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penghargaan juga kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di atas kelulusan Dana Penyelidikan Universiti (DPU) 2017 yang bertajuk “Penentuan Kategori Darah Wanita Menurut Pakar Perubatan dalam Penyelesaian Perselisihan Hukum Fiqh” [UniSZA/2017/DPU/24] melalui Center for Research Excellence and Incubation Management (CREIM), Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA.

## RUJUKAN

- al-Dusuqi, Shamsuddin al-Shaikh Muhammad. t.th. Hasyiah al-Dusuqi ala al-Syarh al-Kabir, t.tp: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- al-Ghanimi, al-Syaikh 'Abd al-Ghani. 1993. al-Llibab fi Sharh al-Kitab. Lubnan: Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Hasnah Yahya, 2014. Pendidikan Islam Tahun 4. Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka: Malaysia.
- <https://worldconferences.net/proceedings/icasic2016/fullpaper/malay%20papers/IC%20151%20KEFAHAMAN%20PELAJAR%20TERHADAP%20FIQH%20THAHARAH.pdf>, dilayari pada 14/5/2019, Selasa jam 11.00 pagi.
- <https://www.moe.gov.my/index.php/korporat-menu/organisasi/bahagian-dan-unit/3525-bahagian-pendidikan-islam>, dilayari pada 10/6/2019, Isnin jam 10.00 pagi.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin Afandi. t.th. Majmu'ah Rasa'il Ibnu 'Abidin. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn al-Humam, Kamaluddin Muhammad 'Abd al-Wahid. t.th. Syarh Fath al-Qadir. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Muflih, Burhanuddin Abu Ishaq Ibrahim Muhammad. 2003. al-Mubdi' Sharh al-Muqni'. al-Sa'udiyyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Ibn Qudamah, al-Maqdisi. 2004. al-Mughni. tahqiq: Muhammad Sharif al-Din Khattab. Qaherah: Dar al-Hadis.
- al-Kaf, Hasan Ahmad Muhammad Salim. 2003. al-Taqrirat al-Sadidat fi al-Masa'il al-Mufidah. Yaman: Dar al-'Ilm wa al-Dakwah.
- Kartina Tawang dan Basri Ibrahim. 2016. Amalan Pengurusan Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. Jurnal Islam Masyarakat Kontemporeri. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri ISSN 2289 6325 Bil. 13 2016. UNISZA.
- al-Kasani, 'Ala'uddin Abu Bakar Mas'ud. 2000. Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Marghinani, Burhanuddin Abi al-Hasan Ali Abi Bakr Abdul Jalil al-Rushdani. al-Hidayah Syarah Bidayah al-Mubtadi. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali Muhammad Habib. 1994. al-Hawi al-Kabir. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Nasir Arshad, Muhamad Tauffid Khasim dan Nor Suhanna Abdullah. 2018. Pendidikan Islam Tahun 3. Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka: Malaysia.
- Nor Suhanna Abdullah, Nurul Badriyah Ali dan Nurdina Abu Chik. 2014. Pendidikan Islam Tahun 5. Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka: Malaysia.
- Nur Suhanna Abdullah, Siti Fadilah dan Fadilah Ahmad. 2015. Pendidikan Islam Tahun 6. Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka: Malaysia.
- al-Ramli, Shamsuddin Muhammad Abi al-'Abbas Ahmad Hamzah Ibn Shihab. 1984. Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj. Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Sarkhasi, Shamsuddin. 1989. al-Mabsut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sharh al-Saghir ala Aqrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik, t.tp: Dar Ma'arif.

- al-Shirbini, Shamsuddin Muhammad Muhammad al-Khatib. 2000. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Siti Fatimah Saleh, Zurita Mohd Yusuff, Siti Khatijah Ismail, Nadhirah Nordin, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Ramlah Mat Ali. 2020. Analisis Pendidikan Darah Wanita Dalam Kurikulum Rendah dan Menengah di Malaysia, Tamadun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Agama, Volume XXI, No 1, ISBN: 1693-3941.
- Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Ramlah Mat Ali, Siti Khatijah Ismail, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda dan Zurita Mohd. Yusuff. 2018. Konotasi Darah Haid Menurut Perspektif Perubatan dan al-Quran. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 2018. 15 Sep 2018. UNISZA.
- Siti Fatimah Salleh. 2014. *al-‘A‘zar al-Khassah bi al-Nisa’ wa Ahkamuha fi al-Ibadat*: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah. Jordan: Dar al-Nafaes.
- al-Zarkashi, Muhammad Abdullah Muhammad. 2002. *Sharah al-Zarkasyi*. Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.